

PANDUAN MEMOHON KELULUSAN MENGAUDIT AKAUN KOPERASI

1. Sila layari laman sesawang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (www.skm.gov.my)
2. Cari Perkhidmatan Dalam Talian dan **klik** Modul Permohonan Juruaudit Swasta.
3. Sistem Permohonan Atas Talian (Online) SKM akan dipaparkan. Sekiranya paparan tersebut tidak muncul, sila benarkan paparan *pop-ups blocker*.
4. Bagi pengguna baru, sila **klik** Daftar Pengguna Baru untuk mendaftar ID dan kata laluan.



Pilih jenis pengguna individu dan masukkan maklumat yang diperlukan di paparan pendaftaran sistem dan **klik** butang hantar.

Pengesahan ID dan kata laluan akan dihantar ke e-mel pengguna yang didaftarkan. Untuk mengaktifkan ID Pengguna, sila buat pengesahan dengan **klik** pautan URL melalui e-mel yang dihantar.

5. **Klik** butang Daftar Masuk bagi yang telah mempunyai ID dan kata laluan.
6. Bagi permohonan kelulusan mengaudit akaun koperasi:

(i) Kali pertama

- a. Pilih tab borang dan **klik** permohonan juruaudit swasta;
- b. Sila baca terma dan syarat serta tandakan kotak pengakuan;
- c. Sila **klik** butang seterusnya dan lengkapkan semua butiran;
- d. Sila muat naik dokumen-dokumen yang diperlukan*; dan
- e. Sila tandakan kotak pengakuan dan **klik** butang hantar.

(ii) Pembaharuan

- a. Pilih tab juruaudit swasta dan **klik** pembaharuan lesen;
- b. Kemaskini dan lengkapkan semua butiran;
- c. Sila muat naik dokumen-dokumen yang diperlukan*; dan
- d. Sila tandakan kotak pengakuan dan **klik** butang hantar.

PERHATIAN : Juruaudit hendaklah memperbaharui kelulusan mengaudit sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tamat kelulusan.

***Dokumen-Dokumen Yang Diperlukan**

1. Salinan kad pengenalan
2. Salinan sijil kelayakan akademik diploma/ijazah/profesional (pemohonan baru)
3. Salinan dokumen keahlian

3.1 Malaysian Institute of Accountants (MIA)

- (a) Sijil Keahlian dan Sijil Amal (permohonan baharu);
- (b) Resit pembaharuan keahlian dan Sijil Amal yang terkini;
- (c) Maklumat Pendaftaran Firma Audit (*Notification Of Change In The Register Of Firm Of Auditors*) daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (d) Pembaharuan Kelulusan Juruaudit daripada Perbendaharaan Malaysia; dan
- (e) Sekiranya berdaftar dengan *Audit Oversight Board* (AOB), sertakan surat pendaftaran dan resit pembaharuan AOB yang terkini.

ATAU

3.2 The Institute of Cooperative & Management Auditors (ICMA)

- (a) Sijil Keahlian dan Sijil Amal (permohonan baharu);
 - (b) Resit pembaharuan keahlian dan Sijil Amal yang terkini; dan
 - (c) Maklumat Perniagaan dan Perakuan Pembaharuan Pendaftaran (Borang E) daripada SSM yang terkini; atau
 - (d) Sekiranya berdaftar di bawah MIA sebagai Firma Bukan Audit (NF), sertakan
 - Sijil Pendaftaran Firma (*Certificate of Registration of Firm*);
 - Borang 3 atau Pengesahan Status Firma daripada MIA; dan
 - Resit pembaharuan keahlian MIA.
4. Senarai kakitangan firma yang mengandungi maklumat-maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, kelayakan akademik (diploma/ijazah/profesional) dan nombor KWSP.
 5. Semua salinan dokumen hendaklah disahkan benar dengan menggunakan cop rasmi pengesah yang mengandungi butiran seperti nama, jawatan dan nombor keahlian (bagi yang berkenaan). Pengesah-pengesah dokumen terdiri daripada:
 - (a) Akauntan Awam Bertauliah;
 - (b) Penjawat Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
 - (c) Setiausaha Syarikat yang Berdaftar;
 - (d) Pesuruhjaya Sumpah; atau
 - (e) Penghulu atau Ketua Kampung
 6. Senarai koperasi yang diaudit dan status data kewangan (pemohonan pembaharuan)
 7. Bayaran sebanyak RM200.00 hendaklah dibuat melalui pindahan wang, kiriman pos, draf bank atau cek dibayar kepada **Kumpulan Wang Operasi SKM**.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Unit Juruaudit Swasta

Bahagian Audit Koperasi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Changkat Semantan, Off Jalan Semantan

Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2083 4000 ext. 4437/ 4142/ 4556/ 4429

**SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI
PERMOHONAN KELULUSAN MENGAUDIT AKAUN KOPERASI**

Bil	Dokumen	Permohonan Baru (√) Ya (X) Tidak	Permohonan Pembaharuan (√) Ya (X) Tidak
1.	Salinan kad pengenalan	√	√
2.	Salinan sijil kelayakan akademik (diploma/ijazah/profesional)	√	X
3.	Salinan resit pembaharuan keahlian (ACCA/CPA dan lain-lain)	√	√
4.	Salinan dokumen keahlian (MIA atau ICMA) 4.1 Malaysia Institute of Accountants (MIA) (a) Sijil Keahlian dan Sijil Amal; (b) Resit pembaharuan keahlian dan Sijil Amal yang terkini; (c) Maklumat Pendaftaran Firma Audit daripada SSM (Borang 5 atau <i>Notification Of Change In The Register Of Firm Of Auditors</i>) yang terkini; (d) Pembaharuan Kelulusan Juruaudit daripada Perbendaharaan Malaysia; dan (e) Sekiranya berdaftar dengan AOB, sertakan surat pendaftaran dan resit pembaharuan AOB yang terkini.	√ √ √ √ √	X √ √ √ √
	4.2 The Institute of Cooperative & Management Auditors (ICMA) (a) Sijil Keahlian dan Sijil Amal; (b) Resit pembaharuan keahlian dan Sijil Amal yang terkini; dan (c) Maklumat Perniagaan dan Perakuan Pembaharuan Pendaftaran (Borang D atau E) daripada SSM yang terkini; atau (d) Sekiranya berdaftar di bawah MIA sebagai Firma Bukan Audit (NF) <ul style="list-style-type: none"> • Sijil Pendaftaran Firma (<i>Certificate of Registration of Firm</i>); • <i>Form M3 (Registration of Member Firms)</i> atau Pengesahan Status Firma daripada MIA; dan • Resit pembaharuan keahlian MIA. 	√ √ √ √ √ √	X √ √ X √ √
5.	Senarai kakitangan firma yang mengandungi maklumat-maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, kelayakan akademik (diploma/ijazah/profesional) dan nombor KWSP	√	√
6.	Senarai koperasi yang diaudit dan status data kewangan (status : selesai)	X	√
7.	Bayaran sebanyak RM200.00 hendaklah dibuat melalui pindahan wang, kiriman pos, draf bank atau cek dibayar kepada Kumpulan Wang Operasi SKM.	√	√